



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

LOT G2, TINGKAT BAWAH, WISMA CHASE PERDANA, OFF JALAN SEMANTAN,
DAMANSARA HEIGHTS, 50490 KUALA LUMPUR.

Tel: 03-2098 3731 (Hotline: 03-2092 7788) Faks: 03-2094 2769 Web: www.ptptn.gov.my

Rujukan : PTPTN/P/42/ BN1 JILID 1 (5)

Tarikh : 09 Februari 2011

Ketua Eksekutif
Al-Madinah International University (**MEDIU**)
11th Floor Plaza Masalam E/9E 2
Jalan Tengku Ampuan Zabedah
40100 Shah Alam
Selangor

Tuan,

**MAKLUMAN PENAJAAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PTPTN KEPADA PELAJAR
PELAJAR UNIVERSITI ANTARABANGSA AL MADINAH (MEDIU)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan merujuk email tuan bertarikh 09 Februari 2011 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, pihak PTPTN akan menaja pembiayaan pendidikan kepada pelajar pelajar Universiti Antarabangsa Al Madinah (Mediu) (warganegara Malaysia sahaja) setelah selesai proses pendaftaran akaun bank pembayar IPT dan pendaftaran kod kursus IPTS.

3. Sehubungan dengan itu, Perbadanan akan memaklumkan kepada pihak tuan setelah tindakan selesai diambil oleh PTPTN bagi membolehkan pelajar membuat permohonan 'online' PTPTN.

4. Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ZUBIR BIN CHE EMBI)
Bahagian Pinjaman Pendidikan
b.p. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

NOMBOR FAKSIMILI

Bahagian Pinjaman Pendidikan: 03-2098 3769 / 03-2095 8943, Bahagian Penguatkuasaan Dan Kutipan Balik: 03-2096 1072
Bahagian Simpanan Pendidikan: 03-2098 6589



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

LOT G2, TINGKAT BAWAH, WISMA CHASE PERDANA, OFF JALAN SEMANTAN,
DAMANSARA HEIGHTS, 50490 KUALA LUMPUR.

Tel: 03-2098 3731 (Hotline: 03-2092 7788) Faks: 03-2094 2769 Web: www.ptptn.gov.my

Rujukan : PTPTN/P/42/BN1

Tarikh : 08 Oktober 2010

Ketua Eksekutif
Universiti Antarabangsa Al-Madinah (MEDIU)
11th Floor, Plaza Masalam
No.2, Jalan Engku Ampuan Zabedah
E/9E, Section 9
40100 Shah Alam
SELANGOR

Tuan,

MAKLUMAN KELULUSAN PENDAFTARAN KOD IPT DI PTPTN BAGI TUJUAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Sukacita dimaklumkan permohonan tuan untuk mendapatkan kemudahan Pembiayaan Pendidikan PTPTN bagi Universiti Antarabangsa Al-Madinah (MEDIU) telah diluluskan oleh Y.B Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.


2. Sehubungan dengan itu, Kod IPT bagi Universiti Antarabangsa Al-Madinah (MEDIU) telah diwujudkan iaitu **BN1**. Bagi tujuan tersebut, tuan adalah dikehendaki untuk melengkapkan dokumen dilampiran dan menyertakan salinan kelulusan pengendalian kursus daripada Sektor Pengurusan IPTS, Kelulusan Perakuan Akreditasi / Provisional Akreditasi daripada MQA bagi kursus yang dijalankan dan kelulusan penubuhan/ pendaftaran Institusi. Bersama- sama ini juga dilampirkan borang pendaftaran Akaun pembayar IPT dan borang penetapan tarikh urusan pembiayaan dan borang maklumat IPTS untuk dilengkapkan.

3. Dimaklumkan bahawa urusan pembiayaan di Perbadanan hanya akan dilaksanakan setelah borang yang dinyatakan di atas dilengkapkan dan kembalikan ke Perbadanan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(RAHIMAH BINTI SENIN)

Bahagian Pinjaman Pendidikan
b.p. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

NOMBOR FAKSIMILI

Bahagian Pinjaman Pendidikan: 03-2098 3769 / 03-2095 8943, Bahagian Penguatkuasaan Dan Kutipan Balik: 03-2096 1072

Bahagian Simpanan Pendidikan: 03-2098 6589